

# Langkawi Bandaraya Pelancongan dipertimbang

BH - 1 JUN 2000

LANGKAWI, Rabu - Kerajaan akan menimbang permohonan Kedah untuk mengisytiharkan pulau ini sebagai Bandaraya Pelancongan bagi merancakkan pertumbuhan sektor pelancongannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau berharap agensi yang berkaitan menimbang permohonan itu secara positif kerana pengiktirafan berkenaan akan menjadikan Langkawi lebih maju.

Malah beliau sendiri yang akan memaklumkan permohonan itu kepada pihak terbabit.

Mengikut prosedur, pengiktirafan sebagai bandar raya ditentukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan syarat dan kriteria tertentu.

Dr Mahathir berkata, permohonan itu perlu dipertimbangkan kerana Kerajaan Pusat akan membelanjakan lebih banyak wang untuk pembangunan Langkawi, terutama memajukan sektor pelancongan tetapi memerlukan kerjasama erat kerajaan negeri.

"Melalui cara itu, kita berharap dapat menjadikan Langkawi sebagai pusat pelancongan nombor wahid (satu) di negara ini," katanya merasmikan Fiesta Langkawi, malam ini.

Terdahulu, dalam ucapannya Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, meminta Kerajaan Pusat melonggarkan syarat memberikan status bandar raya untuk Langkawi bagi memperhebatkan industri pelancongan.

Perdana Menteri juga berharap peniaga di Langkawi memberi sokongan apabila ada permintaan untuk menganjurkan acara menarik kerana kerjasama boleh menjadikan Langkawi lebih terkenal.

Mengenai fungsi Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang kini berusia 10 tahun, Dr Mahathir berharap agensi itu dapat melakukan lebih banyak perubahan demi faedah penduduk Langkawi dalam tempoh sedekad lagi.

"Lada perlu menggalakkan pertumbuhan industri yang mendatangkan faedah kepada rakyat. Kalau dulu tiada seorang pun orang Melayu di Langkawi bekerja di hotel, kini ada menjadi pengurus hotel lima bintang dan ada juga yang memiliki hotel," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, keindahan semula jadi pulau ini perlu dikekalkan kerana ia adalah aset utama tarikan pelancongan.

Beliau berkata, jika semua kawasan di Langkawi dimaju dan didiikan bangunan, ia tidak menimbulkan tarikan pelancongan walaupun negara memerlukan bangunan cantik dan teratur.

"Bangunan boleh dilihat di mana-mana saja. Justeru ia bukan daya penarik. Sebaliknya, pantai, bukit, bendang, telaga air panas, pasir hitam dan beras terbakar menjadi tarikan mereka," katanya.